

# Mohamad Amin dikebumikan enam meter dari makam Sultan Abdullah

KUALA KANGSAR 8 Sept. - Jasad Laksamana Mohamad Amin Alang Duakap yang dibawa pulang dari Singapura akan dikebumikan semula di sisi makam lapan Sultan Perak di Makam Diraja Bukit Chandan, di sini esok.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Iskandariah Kuala Kangsar, Raja Mansur Raja Razman berkata, lapan Sultan Perak yang dikebumikan di makam berkenaan ialah Sultan Idris Shah I, Sultan Idris Shah II, Sultan Jaafar, Sultan Abdullah, Sultan Iskandar Shah, Sultan Abdul Jalil, Sultan Abdul Aziz dan Sultan Jaafar Shah.

Beliau berkata, liang lahat Mohamad Amin yang siap digali kira-kira pukul 12 tengah hari tadi terletak kira-kira enam meter dari Makam Sultan Abdullah.

"Selain makam Sultan Perak, raja-raja bergelar, kerabat dan pembesar-pembesar istana yang mendapat perkenan Sultan Perak turut disemadikan di makam ini.

"Kubur Laksamana Mohamad Amin berada dalam kawasan yang menempatkan Makam Sultan Abdullah, kerabat dan pembesar-pembesar baginda yang mendapat perkenan Sultan Perak untuk dikebu-

mikan di makam ini,'katanya.

Raja Mansur berkata demikian ketika ditemui semasa melihat persiapan pengkebumian semula Mohamad Amin di Makam Diraja Bukit Chandan, di sini hari ini.

Tinjauan Utusan Malaysia mendapati liang lahat untuk pengkebumian semula Mohamad Amin telah siap, manakala kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR) bertungkus lumus menyiapkan khemah dan tempat tahlil di kawasan makam itu walaupun dalam hujan lebat.

Sementara itu, jurucakap Kompleks Se-

jarah Matang memberitahu, sebanyak 3,000 tetamutermasuk 200 tetamu kenamaan dan 400 ahli keluarga Orang Kaya Menteri Ngah Ibrahim dijangka hadir pada majlis pengkebumian semula pahlawan Melayu di Kota Ngah Ibrahim esok.

Katanya, upacara pengkebumian semula Ngah Ibrahim dibuka untuk orang ramai menyaksikannya.

"Kami telah menyediakan 15 khemah dan sebanyak 1,000 tempat duduk untuk tetamu kenamaan serta ahli-ahli keluarga Orang Kaya Menteri Ngah Ibrahim," katanya.